



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 30 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SYOR CILI IMPORT UNTUK HASILKAN PRODUK MAKANAN, NASIONAL, BH -16 ENCOURAGE YOUNG PEOPLE TO PLANT CILI, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A36	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	MAQIS RAMPAS 7,407KG BIJI BENIH SAYURAN, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5.	LKIM SEDIA BANTUAN GAJET PDPR KEPADA 35,000 NELAYAN, NEGARA, KOSMO -16 NELAYAN BOLEH MOHON BANTUAN LKIM BELI GAJET, NASIONAL, BH -15	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6. 7. 8. 9.	POLIS BONGKAR STOR SIMPANAN 45 TAN BERAS, BERAS PULUT SELUDUP, NEGARA, KOSMO -12 PGA RAMPAS 45 TAN BERAS DIPERCAYAI DISELUDUP, NASIONAL, BH -21 STOR BERAS SELUDUP DISERBU, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -30 22 TAN BERAS COP DIPALSU, LOKAL, HM -20	BAHAGIAN KAWAL SELIA PADI DAN BERAS

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Syor cili import untuk hasilkan produk makanan

Hasil pekebun tempatan dijual sepenuhnya di pasaran bagi elak lambakan

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Jasin: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengesyorkan cili diimport hanya digunakan untuk menghasilkan produk makanan seperti sos, manakala hasil tanaman diusahakan pekebun tempatan dijual sepenuhnya di pasaran.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata

langkah itu bertujuan memastikan kepentingan pekebun tempatan terbela, manakala hasil tanaman digunakan oleh penduduk negara ini.

Beliau berkata, cadangan itu akan dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam tempoh terdekat.

"Import cili perlu dikawal supaya hasil tanaman pekebun tempatan tidak menjadi lambakan, sekali gus menyebabkan harganya jatuh.

"Saya cadangkan hasil tanaman pekebun kita dijual sepenuhnya di pasaran tempatan, manakala cili yang diimport dijadikan produk makanan seperti sos atau makanan berasaskan



Pekebun akan rasa terbela jika langkah ini dapat direalisasikan.

Ahmad Hamzah,
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan

cili basah.

"Pekebun akan rasa terbela jika langkah ini dapat direalisasikan," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Ahmad berkata, penghasilan pengeluaran cili domestik mencatat 60 peratus berbanding 40 peratus cili import khususnya dari Thailand.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan berusaha untuk mengurangkan kadar kebengtuan terhadap cili import menerusi pembabitan belia mengusahakan tanaman berkenaan.

Beliau berkata, pembabitan lebih ramai belia bagi menghasilkan cili tempatan dapat meningkatkan tahap sara hidup (SSL) yang ketika ini berada pada paras 30.6 peratus.

Headline	Encourage young people to plant chili		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	30 Jan 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A36	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	315 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,525
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,575



鼓励年轻人投身辣椒种植业

马六甲29日讯 | 为进一步提高国内辣椒产量，农业及食品工业副部长拿督斯里阿末韩查鼓励更多年轻人投身辣椒种植业。

他指出，目前国内辣椒供应为60%，剩余的40%则是进口辣椒，大多来自泰国。

「我们的目标是未来国内的农产品的产量可以进一步提升，减少仰赖进口，以确保国家粮食安稳安全（food security）」。

他是今日召开记者会时，如是表示。

他说，农业活动如今亟需年轻人的加入，注入活力，提高生产力，尤其是辣椒种植业。

「我也会在近期向政府提议，希望未来本地所生产的新鲜辣椒，全面用于供应本地国人日常需要，至于进口的辣椒就专用来制作辣椒酱。」

他也表示，他在近期巡视时，发现之前价格上涨的辣椒，如今已低于每公斤约6令吉。

「部分的农产品价格之所以不稳定，是随著市场的供应机制，不过这只是短期性。」

市面供应充足

另一方面，阿末韩查说，在即将来临的农历新年，市面上的供应充足。「目前各大批发市场的货源没有出现短缺，而我们的储备粮食库充足。以白米为例，

即使全面短缺，现有的库存还可支撑约3个月。」

他指出，该部门也与国内贸易及消费事务部紧密合作，监督市场上的农产品价格。

此外，他还说，尽管东海岸雨季引发水灾，导致农作物收成遭破坏，但不影响国内粮食供应链。

谈及受水灾影响的农夫是否会得到政府援助，他则说，该部门还在对此进行评估及商讨，并考虑把援助对象扩大至畜牧业者及渔业者。



阿末韩查鼓励年轻人投身辣椒种植业，提高国内辣椒产量。

© M K

30/1/2021

SINAR
HARIANNEGERI PERAK/
P.PINANG

27

Maqis rampas 7,407kg biji benih sayuran

Benih dari China itu dianggarkan bernilai lebih RM145,000

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

BUTTERWORTH

Jabatan Perkhidmatan Kuaran dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk biji benih tanpa permit import yang sah pada Khamis.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, pihaknya merampas 1,595 kilogram (kg) biji benih kubis Cina bernilai RM29,939.25 ketika pemeriksaan rutin di tapak pemeriksaan Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini pada jam 5.20 petang.

Menurutnya, kesemua biji benih itu didapati dibawa dari China tanpa mempunyai dokumen import permit yang sah.

"Hasil pemeriksaan pada kontena yang sama, kita juga menemui



Selain biji benih kubis Cina, Maqis Pulau Pinang juga merampas beberapa jenis biji benih sayuran lain.

5,812 kg pelbagai jenis biji benih lain antaranya biji benih timun (cucumis sativus sp), biji benih terung (solanum melongena sp), biji benih lobak putih (raphanus sativus sp) dan biji benih khalian (brassica parachinensis).

"Kesemuanya dianggarkan bernilai RM145,785.71 dan dagangan tersebut dirampas kerana tidak mematuhi syarat import yang telah ditetapkan pada permit import Maqis," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Zarina berkata, kesemua dagangan seberat 7,407 kg yang bernilai RM175,724.96 itu dirampas untuk tindakan lanjut.

Katanya, kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) dan Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuaran dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh ditukur di bawah Seksyen 11(3), juga Seksyen 15(2) akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa mengambil langkah proaktif bagi isu melibatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara," katanya.

LKIM sedia bantuan gajet PdPR kepada 35,000 nelayan

TAIPING - Kira-kira 35,000 nelayan di seluruh negara berpeluang memohon bantuan gajet untuk anak mereka bagi mengikuti proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, permohonan boleh dibuat melalui Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di negeri masing-masing.

Katanya, pihaknya sememangnya menyediakan peruntukan khas melalui Tabung Bencana untuk membantu pembelajaran anak-anak nelayan.

"Kita ada peruntukan, namun ia tidak diwar-warkan. Bagi nelayan yang kurang berkemampuan boleh membuat permohonan di mana-mana PNK atau negeri," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita selepas me-



SYED ABU HUSSIN (Kiri) menyerahkan replika cek Bantuan Prihatin Rakyat kepada Syed Nasir di Taiping, Perak semalam.

nyampaikan replika cek Bantuan Prihatin Rakyat berjumlah RM304,600 kepada Pejabat Pendidikan Daerah Larut, Matang dan Selama yang diwakili pegawainya, Syed Nasir Sayed Mahadi di sini semalam.

Tambah Syed Abu Hussin, isu masalah PdPR perlu ditangani dengan kadar segera agar anak-anak nelayan yang kurang berkemampuan juga dapat mengikuti pembelajaran dalam talian.

Dalam perkembangan lain, bellau menegaskan bencana banjir yang berlaku baru-baru ini mengakibatkan kerosakan bernilai RM2.7 juta memba-

bitkan kerosakan harta benda kompleks pendaratan ikan dan nelayan.

Tambahnya pihaknya telah mengemukakan permohonan kepada pihak Kementerian Nisggu lalu bagi tujuan bantuan dan proses membaik puluhnya.

Ketika ditanya mengenai bekalan ikan dan udang menjelang perayaan Tahun Baru Cina, Syed Abu Hussin menegaskan masyarakat tidak perlu bimbang berikutan LKIM masih mempunyai bekalan yang mencukupi disamping sentiasa memantau harga pasaran agar tidak dinipulasi pihak tertentu.



Nelayan boleh mohon bantuan LKIM beli gajet

Peruntukan khas disedia bantu proses pembelajaran anak nelayan

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
bhnews@bh.com.my

Taiping: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membuka permohonan kepada 35,000 nelayan berdaftar untuk bantuan peranti bagi membolehkan anak mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dengan lebih berkesan.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu

Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata LKIM ada peruntukan khas bagi membantu memudahkan proses pembelajaran anak nelayan yang kurang berkemampuan.

Sehubungan itu, nelayan kurang berkemampuan boleh terus membuat permohonan di mana-mana Persatuan Nelayan Kawasan atau Negeri.

"Mungkin ramai nelayan yang tidak tahu adanya bantuan seperti

ini. Setiap permohonan akan dipertimbang bagi memastikan hanya mereka yang layak, mendapat bantuan khas ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan Bantuan Prihatin Rakyat P059, EDU Prihatin Sekolah Kebangsaan/Sekolah Menengah Kebangsaan/Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) berjumlah RM304,600 kepada Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Larut Matang dan Selama, Syed Nasir Syed Mahadi, semalam.

Dalam perkembangan lain, Syed Abu Hussin Hafiz berkata, banjir baru-baru ini mengakibatkan fa-



Syed Abu Hussin Hafiz (kiri) menyerahkan replika cek kepada Pegawai PPD Larut, Matang dan Selama, Syed Nasir Syed Mahadi di Taiping, semalam. (Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

siliti agensi itu mengalami kerosakan bernilai RM2.7 juta, termasuk kompleks pendaratan ikan dan aset ahli persatuan.

Katanya, LKIM sudah mengemukakan permohonan kepada Kementerian minggu lalu, bagi mendapatkan bantuan membaik pulih aset LKIM dan ahli yang rosak.

Ditanya mengenai bekalan ikan dan udang menjelang perayaan Tahun Baharu Cina pula, beliau berkata, masyarakat tidak perlu bimbang terhubung perkara itu.

Katanya, LKIM masih ada bekalan mencukupi, selain sentiasa memantau harga pasaran supaya tidak dimanipulasi pihak tertentu.

Polis bongkar stor simpanan 45 tan beras, beras pulut seludup

TANAH MERAH - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9 merampas sebanyak 45 tan beras dan beras pulut seludup dianggarkan bernilai RM249,000 di dalam sebuah stor di Kampung Bembang Buyong di sini kelmarin.

Dalam serbuan pada pukul 4 pagi itu, anggota PGA menahan dua lelaki berusia 24 dan 41 tahun dipercayai terlibat dalam kegiatan tersebut.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 9, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, serbuan itu dilakukan selepas pihaknya menjalankan intipan selama dua hari.

"Semasa pegawai dan anggota PGA tiba di stor, terdapat dua lelaki berada di kawasan tersebut dan mengaku sebagai pemilik serta penjaga premis berkenaan.

"Kita mengarahkan pemilik stor membuka premis untuk diperiksa sebelum menemui sebuah lori di dalam stor tersebut," katanya kepada pemberita malam.

Nor Azizan berkata, pemerik-



STOR yang menyimpan beras dan beras pulut seludup di Kampung Bembang Buyong, Tanah Merah.

saan terhadap lori itu membawa kepada penemuan sebanyak 22 tan beras dan 23 tan beras pulut dipercayai diseludup dari negara jiran menggunakan laluan tikus.

Turut ditemui cap Jabatan Kawal Sela Padi dan Beras Negara di dalam stor berkenaan.

"Kita tidak menolak kemungkinan cap itu dipalsukan bagi

mengaburi mata pihak berkuasa.

"Ketika diperiksa, pemilik stor gagal mengemukakan sebarang dokumen berkaitan," kata beliau.

Nor Azizan berkata, pihaknya juga percaya barangan dirampas itu untuk dijual di pasaran tempatan dan luar Kelantan bergantung atas permintaan.

PGA rampas 45 tan beras dipercayai diseludup

Kota Bharu: Batalion Ke-9 Pasukan Gerakan Am (PGA9) merampas 45 tan beras dipercayai diseludup, termasuk beras pulut dan sebuah lori bernilai hampir RM300,000, dalam serbuan di sebuah stor dekat Kampung Bendang Buyong, Jedok, Tanah Merah, Kelantan.

Pegawai Pemerintah PGA9, Superintendan Nor Azizan Yusof, berkata dalam serbuan jam 4 pagi kelmarin, dua lelaki berusia 24 dan 41 tahun yang dipercayai pemilik serta penjaga stor turut ditahan.

Beliau berkata, serbuan hasil maklumat awam mengenai kegiatan penyimpanan beras diseludup dan anggotanya melakukan intipan serta pemantauan di sekitar pangkalan haram semipadan Malaysia-Thailand, di sini.

"Hasil intipan menemui lokasi beras diseludup yang disimpan sementara sebelum diedarkan mengikut permintaan.

"Ketika serbuan dibuat, dua lelaki yang ada di kawasan itu menagku sebagai pemilik dan pen-

jaga stor berkenaan sebelum anggota mengarahkan mereka membuka pintu stor.

"Hasil pemeriksaan, kita menemui sebuah lori dan 22 tan beras serta 23 tan beras pulut yang disyaki diseludup dari negara jiran," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Nor Azizan berkata, hasil pemeriksaan turut menemui beberapa cop Jabatan Kawal Selia Padi dan Beras Kelantan yang dipercayai dipalsukan.

Beliau berkata, pemilik stor berkenaan gagal mengemukakan sebarang dokumen terkini mengenai kemasukan beras ke dalam stor terbabit.

"Keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM299,000 dan laporan dibuat di Balai Polis Batu Gajah untuk tindakan lanjut.

"Semua rampasan diserahkan kepada Jabatan Kawal Selia Padi dan Beras Kelantan dan disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras Negara 1994," katanya.



Beras dan lori yang dirampas pasukan PGA di Tanah Merah, Kelantan, kelmarin.

30/1/2021

SINAR
HARIAN
NEGERI TERENGGANU/
KELANTAN

30

Stor beras diseludup diserbu

Dua lelaki ditahan bagi bantu siasatan

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

TANAH MERAH

Dua lelaki ditahan Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9 Kuala Terengganu bagi membantu siasatan berhubung penemuan 45 tan beras dan pulut yang dipercayai diseludup dari negara jiran di Kampung Bendang Khamis.

Lelaki berusia 45 dan 24 tahun yang masing-masing pemilik stor serta penjaga bangunan itu ditahan ketika anggota PGA melakukan serbuan ke atas premis berkenaan pada jam 4 pagi.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 9, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, nilai rampasan kedua-dua bahan makanan itu dianggarkan berjumlah RM249,000.

“Kita tidak menolak kemungkinan kesemua beras dan beras pulut itu adalah untuk pasaran tempatan dan luar Kelantan, bergantung atas permintaan,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, semasa anggota PGA mahu melakukan serbuan di stor berkenaan dua lelaki telah tampil dengan masing-masing mengaku sebagai pemilik dan penjaga stor berkenaan.

Beliau berkata, anggota PGA kemudian mengarahkan pemilik stor membuka premis tersebut untuk tujuan pemeriksaan lanjut.

“Semasa pemeriksaan sedang dilakukan, kita telah menemui sebuah lori di dalam premis tersebut membawa kepada pe-



Prems yang menyimpan 45 tan beras dan beras pulut yang dipercayai diseludup dari negara jiran di Kampung Bendang Buyong, Tanah Merah.

nemuan 22 tan beras dan 23 tan beras pulut dipercayai diseludup masuk secara tidak sah ke negara ini. PGA turut menemui cop Jabatan Kawal Selia Padi dan Beras Negara.

“Kita tidak menolak kemungkinan kesemua cap-cap

tersebut dipalsukan bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Bukan itu sahaja, pemilik stor turut gagal mengemukakan sebarang dokumen terkini berkaitan ke-

masuk beras tersebut ke dalam stor. Rampasan ini hasil intipan selama dua hari yang

dilakukan oleh pihaknya di kawasan sempadan Malaysia-Thailand berhampiran stor tersebut,” katanya.

Tambah Nor Azizan, kes disiasat bawah Seksyen 20 Akta Kawalselia Padi dan Beras Negara 1994.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	20



22 TAN BERAS COP DIPALSU

23 tan beras pulut seludup turut ditemui dalam sebuah stor ketika diserbu PGA9

Oleh Siti Rohana Idris am@hmetro.com.my

Tanah Merah


Intipan dan pemantauan yang dilakukan selama dua hari oleh Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) membuahkan hasil apabila menemui sebuah stor yang menyimpan sejumlah beras seludup di Kampung Bendang Buyong, Jalan Jedok di sini, pagi kelmarin. Pegawai Pemerintah PGA9 Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, dua lelaki berusia 24 dan 41 tahun yang dipercayai pemilik serta penjaga stor turut ditahan dalam sebuah van pada jam 4 pagi itu. Menurutnya, serbuan itu dibuat berikutan hasil maklumat awam mengenai kegiatan penyimpanan beras

seludup dan anggotanya melakukan intipan serta pemantauan di sekitar pangkalan haram sempadan Malaysia-Thailand yang berdekatan stor terbabit. "Hasil intipan menemui lokasi beras seludup yang disimpan sementara sebelum diedarkan mengikut permintaan. "Ketika serbuan dibuat, muncul dua lelaki yang mengaku pemilik dan penjaga stor berkenaan, anggota kami kemudiannya mengarahkan mereka membuka pintu stor. "Hasil pemeriksaan yang dibuat menemui sebuah lori dan sebanyak 22 tan beras serta

23 tan beras pulut yang disyaki diseludup dari Thailand," katanya ketika dihubungi. Nor Azizan berkata, hasil pemeriksaan juga menemui beberapa cop Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kelantan yang dipercayai dipalsukan. Menurutnya, pemilik stor berkenaan gagal mengemukakan sebarang dokumen terkini mengenai kemasukan beras ke stor terbabit. "Keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM299,000

dan laporan dibuat di Balai Polis Batu Gajah untuk tindakan lanjut. "Semua rampasan diserahkan kepada Bahagian Kawalselia Padi dan Beras dan disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawalselia Padi dan Beras Negara 1994," katanya.

“ Keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM299,000 Nor Azizan



SEBUAH lori bersama 22 tan beras serta 23 tan beras pulut seludup yang keseluruhannya dianggarkan bernilai RM299,000 dirampas dalam sebuah stor di Kampung Bendang Buyong, Jalan Jedok, kelmarin.